

JEBAT 31 (2004) 15-38

**ORANG MELAYU KELANTAN
DARI SUDUT BUDAYA DAN PERSPEKTIF
SEJARAH LAMPAU**

HAZIYAH HUSSIN

PENGENALAN

Penulisan ini menjelaskan beberapa perkara seperti pengertian bangsa Melayu, khususnya perkaitan keturunan orang Melayu Kelantan yang didapati mengelirukan beberapa pihak. Penjelasan tentang bangsa Melayu akan dapat membantu untuk memahami beberapa hal berkaitan dengan orang Melayu dan budayanya di Semenanjung Malaysia dan menentukan asal usul keturunan dan budaya orang Melayu Kelantan. Orang Melayu atau bangsa Melayu memiliki ruang budayanya yang tersendiri yang boleh membezakannya daripada bangsa yang lain seperti Cina, India dan sebagainya. Kefahaman tentang ruang Melayu dan tamadun Melayu yang mempunyai kaitan dengan kebudayaan bangsa Melayu juga akan dapat mengesan bagaimana satu bangsa itu dapat melahirkan budaya yang bertamadun.

Perkataan Melayu dihuraikan daripada beberapa aspek seperti definisi bangsa Melayu, konsep budaya Melayu, sejarah dan tamadun Melayu yang merangkumi masyarakat Melayu zaman prasejarah, hubungan Melayu dengan dunia luar dan kepulauan Melayu. Akhir sekali konsep Melayu dijelaskan daripada sudut orang Melayu dan Islam. Kehidupan orang Melayu juga tidak dapat dipisahkan daripada kepercayaan dan agama yang mereka anuti, yang turut mempengaruhi corak kehidupan atau adat resam mereka. Agama Islam juga merupakan titik permulaan yang dikira menjadi fokus dan prinsip kehidupan yang mempengaruhi penghasilan kraf Melayu, khususnya reka motif tekstil Melayu.

BANGSA MELAYU

Ketiadaan definisi yang tepat tentang Melayu banyak menimbulkan kekeliruan dari segi asal usulnya. Seajar dengan ini, mengikut Ismail Hussein (1994), istilah Melayu merupakan istilah yang meluas dan kabur. Istilah ini merangkumi suku bangsa serumpun di Nusantara yang semasa dahulu dikenal oleh orang Barat sebagai bahasa dan suku bangsa di dalam perdagangan dan perniagaan (Ismail Hussein, 1994). Bangsa Melayu merupakan bangsa yang terkenal dan mahir dalam ilmu pelayaran dan secara tidak langsung turut terlibat dalam aktiviti perdagangan dan pertukaran barangan bahan tempatan dengan barangan dari luar, khususnya rempah dan hasil hutan.

Perkataan Melayu sering dirujuk kepada 'The Malay Archipelago' (Kepulauan Melayu), yang merangkumi kepulauan di Asia Tenggara. Perkataan Melayu juga dirujuk kepada etnik Melayu atau orang Melayu Sumatera dan Semenanjung Tanah Melayu dan tempat-tempat lain yang bercakap Melayu (Salazar, 1989). Melayu juga sering dikaitkan dengan Kepulauan Melayu yang merangkumi kepulauan Asia Tenggara dan diinterpretasikan mengikut tempat dan kawasan yang berbeza, seperti di Sumatera ia dikaitkan dengan bangsa yang tinggal berhampiran dengan Palembang; dan di Borneo pula, perkataan Melayu dikaitkan dengan bangsa beragama Islam; dan di Malaysia ia dikaitkan dengan orang yang berkulit coklat atau sawo matang (Bellwood, 1985). Perkataan Melayu berasal daripada istilah Sanskrit yang disebut sebagai 'Malaya' iaitu satu kawasan yang dirujuk kepada tanah daratan yang dikelilingi lautan (Hall, 1994),

Kelompok ras Melayu dapat digolongkan kepada kumpulan Melayu Polinesia atau ras berkulit coklat yang mendiami kawasan Gugusan Kepulauan Melayu, Polinesia dan Madagaskar. Gathercole

(1983), seorang ahli antropologi Inggeris telah melihat bukti-bukti arkeologi, linguistik dan etnologi, menunjukkan bahawa bangsa Melayu-Polinesia ialah golongan pelaut yang pernah menguasai kawasan perairan Pasifik dan Hindi. Beliau menggambarkan ras Melayu-Polinesia sebagai kelompok penjajah yang dominan pada suatu masa dahulu yang meliputi kawasan yang luas di sebelah barat hingga ke Madagaskar, di sebelah timur hingga ke Easter Island, di sebelah utara hingga ke Hawaii, dan di sebelah selatan hingga ke New Zealand.


Dalam penulisan Wan Hashim (1991), Melayu dikaitkan dengan beberapa perkara seperti sistem ekonomi, politik dan juga budaya. Dari sudut ekonomi, Melayu-Polinesia merupakan bangsa yang mengamalkan tradisi pertanian dan perikanan yang masih kekal sehingga ke hari ini. Tradisi seperti ini telah melahirkan satu sistem masyarakat budaya keraton atau istana yang mempunyai kaitan dengan nilai kesenian yang tinggi.

Dari segi ekonomi, Melayu ialah satu golongan pelaut dan pedagang yang pernah menjadi kuasa yang dominan di Lautan Hindi dan Pasifik sebelum kedatangan kuasa Barat. Dari sudut politik pula, sistem kerajaan Melayu berasaskan pemerintahan beraja bermula di Campa dan Funan, iaitu di Kemboja dan Selatan Vietnam pada awal kurun Masihi. Dari kerajaan Melayu tua ini telah berkembang pula kerajaan Melayu lain antaranya, Kerajaan Melayu di Segenting Kra dan di sepanjang Pantai Timur Tanah Melayu, termasuk Kelantan dan Terengganu. Kerajaan Melayu Segenting Kra ini dikenali dengan nama kerajaan Langkasuka yang kemudiannya menjadi Patani. Berasaskan sejarah, kerajaan Melayu Patani yang asasnya kerajaan Melayu Langkasuka merupakan antara kerajaan Melayu yang pertama yang dapat mengekalkan pemerintahan beraja. Dari sudut budaya, Kerajaan Melayu ini telah dapat memperkenalkan satu kerajaan Melayu yang kaya dengan pelbagai ragam budaya kraf dan seni sehinggalah kepada tekstil (Wan Hashim, 1991).

Bagi menentukan bangsa Melayu, dua perkara yang menjadi kriteria penjelasan, iaitu kawasan dan bahasa. Dari segi kawasan, Alam Melayu tidak terbatas kepada Asia Tenggara sahaja, malah Melayu meliputi kawasan di sebelah barat merentangi Lautan Hindi ke Malagasi dan pantai timur benua Afrika; di sebelah timur merangkumi gugusan Kepulauan Melanesia-Micronesia dan Paskah di Lautan Pasifik, kira-kira 103.6 kilometer (40 batu) dari Amerika Selatan; di sebelah selatan meliputi New Zealand; dan di sebelah utara pula dari kepulauan Taiwan dan Hokkaido, Jepun (Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu, 1994) (rujuk kepada peta 1).

Dari segi bahasa pula, Melayu mempunyai ciri-ciri persamaan dengan rumpun keluarga bahasa Melayu-Austronesia (istilah arkeologi) atau keluarga Malayo-Polynesia (istilah linguistik). Sehubungan itu, Koentjaraningrat (1969) mengklasifikasikan bahasa Melayu kepada enam tahap perkembangan iaitu bahasa Austronesia purba (Proto-Austronesian), bahasa Melayu Purba (Proto-Malay), bahasa Melayu Kuno, bahasa Melayu Klasik, bahasa Melayu Moden dan akhir sekali bahasa Malaysia, bahasa Indonesia dan bahasa Melayu Brunei dan Singapura. Bahasa penghubung ini dikenali sebagai 'lingua franca' atau bahasa perhubungan masyarakat dan budaya di Nusantara. Sehubungan dengan ini, Coed'es (1966) menyatakan penggunaan bahasa Melayu secara umum dan meluas akan menjadikan penggunaannya lebih mempunyai asas yang kukuh. Beliau menambah asas yang digunakan dari sudut antropologi ialah linguistik, iaitu alat komunikasi bagi rumpun bangsa Austronesia yang mempunyai persamaan dari segi politik dan kebudayaan. Coed'es pernah menyatakan:

Peta 1: Kawasan Melayu-Austronesians



Sumber: The Encyclopedia of Malaysia (Volume 4. Hlm. 3)
"To a great extent it was undoubtedly this unity of culture that led Chinese to group that diverse people of Further India together under the name Kun-Lun" (p. 9).

Tidak ragu lagi sebgaiian besar daripada kesatuan budaya inilah yang mendorong orang Cina meletakkan pelbagai penduduk

India Jauh di bawah kumpulan yang sama dengan nama Kun-Lun (hlm. 9).

Mohd. Taib Osman (1989), memberi definisi Melayu sebagai kawasan dari Selatan Thailand hingga ke kepulauan Indonesia sekarang, dan dari Pulau Famosa atau Taiwan hingga ke Madagaskar di Lautan Hindi. Istilah Melayu sekiranya disebut secara meluas dikenali sebagai wilayah Nusantara atau Melayu Nusantara yang merujuk kepada beribu-ribu kepulauan yang terbentang di antara dua samudera raya iaitu Samudera India dan Samudera Pasifik yang berkemungkinan berasal daripada rumpun bangsa Polinesia-Melayu (Blust, 1984 dalam Sumintardja, 1989). Perkataan Melayu turut dikaitkan dengan kerajaan Palembang (Indonesia) seperti yang dinyatakan dalam tulisan China semasa lawatan Fa Hsien pada tahun 414 Masihi. Mengikut sumber itu juga, kerajaan Melayu juga dikenal Cho-Po atau pemerintahan Vijaya atau Srivijaya Malayu (Melayu) atau Melaka atau Minangkabau (Coomaraswamy, 1985).

Beberapa teori wujud tentang asal usul orang Melayu di Semenanjung Tanah Melayu. Satu teori menyatakan orang Melayu berasal daripada satu puak dari Pergunungan Yunan. Mengikut teori tersebut, penghijrahan dan, perpindahan orang-orang Yunan ke selatan bermula pada 1500 dan 2500 tahun sebelum Masihi lagi (Hall, 1960 dan Winstedt, 1947). Manakala Coomaraswamy (1985), pula menyatakan penghijrahan orang Melayu bermula sejak beribu-ribu tahun sebelum Era Kristian lagi. Mereka ini terdiri daripada dua kumpulan Melayu iaitu Melayu Proto dan Melayu Deutro. Melayu Proto dikaitkan dengan manusia yang terawal tinggal di Semenanjung Tanah Melayu dan dipercayai ada juga Melayu Proto telah melarikan diri dan tinggal di kawasan pedalaman setelah kedatangan Melayu Deutro (Hall, 1960). Hall menyatakan Melayu Deutro berasal dari Mongolia dan telah membawa budaya Zaman Batu di Kepulauan Melayu.

Mengikut Winstedt (1966) pula, Melayu Deutro ini merupakan Melayu yang hidup dalam keadaan harmoni dengan Melayu Proto dan merupakan bangsa yang melahirkan Melayu yang bertamadun, manakala mengikut Harrison (1963), keturunan Melayu daripada kumpulan ini dikategorikan Melayu sekarang. Gullick (1969) pula, menjelaskan bahawa pada akhir abad ke-19, penduduk Melayu merupakan campuran anak negeri dan anak dagang yang dipanggil satu etnik Melayu Deutro yang mendiami Semenanjung Tanah Melayu. Sehubungan dengan itu, Swettenham (1984) pula mentafsirkan orang Melayu seperti yang berikut:

“The real Malay is a short, thick-set, well-built man, with straight black hair, a dark hair, a dark brown complexion, thick nose and lips, bright intelligent eyes. His disposition is generally kindly, his manners are polite and easy (page 2)”.

Seorang Melayu jati tidak tinggi orangnya, tegap dan bidang, berambut hitam dan lurus, berkulit perang tua, hidung leper dan bibir tebal, mata yang bersinar dan cerdas. Dia pada umumnya berbudi bahasa, bersopan dan mudah berbicara (hlm. 2).

Melayu juga dikaitkan sifat kemanusiaan dan kerohanian mereka. Sifat ini mencerminkan sifat keperibadian yang dikaitkan dengan sopan santun dan budi bahasa yang lemah lembut, manakala sifat lahat atau amuk pula terjadi apabila mereka tersinggung. Dari segi keturunan pula, orang Melayu dikaitkan dengan satu bangsa keturunan Melayu yang berasal dari Patani, Semenanjung Tanah Melayu dan Kepulauan Melayu seperti Pulau Jawa dan Sumatera (Marcek, dalam Mohamad Zain, 1994). Mengikut Abdullah Mohamed (1987) pula, nama Melayu yang digunakan sebagai nama tempat (Semenanjung Tanah Melayu) dan nama bangsa (bangsa Melayu) yang telah pun popular sejak zaman keagungan Melaka pada abad ke-15 kerana raja-raja Temasik dan Melaka berasal dari “Malayu” atau “Jambi” sekarang. Beliau menambah lagi, nama Melayu juga dikenal sebagai “Jawa” atau “Jawi” di Terengganu, Kelantan dan Patani.

Definisi Melayu pada peringkat ini juga merujuk kepada Melayu yang telah terdedah kepada pengaruh luar seperti tamadun Hindu, Arab, China, Islam dan juga Barat. Antara pengaruh itu, dipercayai pengaruh tamadun luar seperti Hindu dan Islam yang telah memperkenalkan sistem politik dan agama yang merupakan pengaruh yang penting di Alam Melayu. Sebelum pengaruh Hindu bertapak di alam Melayu, orang Melayu sudah pun memiliki tamadunnya yang tersendiri (Hall, 1960). Mengikut Hall juga, antara pengaruh Hindu yang diamalkan oleh orang Melayu ialah agama, seni, adat resam dan bahasa Sanskrit. Walau bagaimanapun kedatangan Islam ke alam Melayu telah mencorakkan kembali kepercayaan dan kebudayaan orang Melayu. Semasa menerima pengaruh agama Islam, orang Melayu yang dahulunya beragama Hindu masih lagi mengekalkan adat budaya Hindu yang tidak bercanggah dengan nilai Islam. Di samping itu, orang Melayu juga telah dikunjungi dan dijajah oleh Barat. Kedatangan Barat ke alam Melayu bukanlah satu pengaruh yang besar, sebaliknya hanyalah sebagai penambahan terhadap budaya yang telah bertapak. Pada keseluruhannya bangsa Melayu yang terdapat di Nusantara

merupakan satu rumpun bangsa yang menerima asas tamadun yang sama (Mohd. Taib, 1989) dan dalam masa yang sama rumpun bangsa ini berkembang mengikut arus perubahan zaman yang dilalui.

Mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia, istilah Melayu diperjelaskan sebagai etnik Melayu yang merangkumi Indonesia, Negrito, Jakun, Semai, Semelai, Temiar, kumpulan Orang Asli dan juga Melayu yang lain. Melayu juga diistilahkan dalam Perlembagaan Malaysia sebagai bangsa yang bercakap Melayu, mengamalkan adat resam Melayu dan beragama Islam. Dalam hal ini, secara keseluruhannya istilah Tanah Melayu atau Semenanjung Tanah Melayu merujuk kepada satu kawasan di Alam Melayu yang mengamalkan adat resamnya yang membezakanya dengan bangsa yang lain. Pada umumnya Melayu dapat dibezakan dengan kawasan lain berdasarkan musim, suasana ilmu alam, iklim, flora dan fauna, laut dan tanah-tanah (A. Aziz, & Abdul Rahman, 1985).

Dari segi susunan asas masyarakat, masyarakat Melayu dibahagikan kepada dua golongan iaitu golongan pemerintah dan diperintah (Kaur, 1991). Golongan pemerintah terdiri daripada raja, pembesar dan golongan yang diperintah terdiri daripada rakyat biasa. Dalam sistem ini, raja dan keluarganya merupakan golongan yang mendapat kedudukan yang paling tinggi dalam semua aspek kehidupan, seperti mulia, suci, berdaulat, terhormat dan berkuasa (Zainal Keling, 1989). Golongan istana yang memerintah masyarakat tradisi mempunyai beberapa keistimewaan, seperti banyak masa lapang, mempunyai kuasa politik yang mutlak dan kedudukan ekonomi yang baik. Istana sebagai pusat pemerintah juga merupakan pusat pelbagai pertubuhan budaya elit, lambang perpaduan rakyat dan juga pusat kegiatan agama (Wan Abdul Kadir, 1986).

KONSEP BUDAYA MELAYU

Budaya ialah sesuatu yang dipelajari melalui tranformasi sosial sehingga terhasilnya adat resam. Dalam konteks ini, budaya masyarakat, khususnya masyarakat Melayu lahir daripada aktiviti dan amalan harian seperti kesenian atau kraf bagi memenuhi keperluan kehidupan dan juga masa lapang. Budaya juga mempunyai perkaitan dengan bagaimana manusia berinteraksi antara satu sama lain dan menyesuaikan diri dengan alam sekeliling (Wan Abdul Kadir, 1986). Dalam perkara yang sama Herskovits (1970) dalam buku beliau bertajuk *Man and His Work*, menjelaskan bagaimana budaya terhasil daripada aktiviti manusia itu sendiri.

Berdasarkan analisis daripada aktiviti dan juga kebudayaan Melayu pula, Winstedt (1947) menjelaskan bahawa pertumbuhan budaya Melayu adalah kesan daripada penerimaan budaya asing yang berlaku berperingkat-peringkat. Berbeza dengan pendapat Winstedt (1947), Mohd. Taib (1984) menjelaskan bahawa kebudayaan ialah sesuatu yang boleh dipelajari. Dalam perkara ini, beliau percaya kebudayaan Melayu ialah sesuatu yang lahir bukanlah merupakan tiruan daripada budaya luar, sebaliknya merupakan olahan dan penyesuaian yang telah berlaku dalam masyarakat. Ini bermakna budaya Melayu merupakan budaya asal atau budaya tempatan yang mengalami pertembungan dengan budaya luar dan dalam masa yang sama telah dapat memperkayakan lagi budaya yang telah sedia ada.

Sesuatu budaya mempunyai kaitan dengan tindakan, idea dan artifak yang dipelajari oleh individu yang melibatkan pembelajaran, pertukaran idea dan nilai. Budaya juga dikaitkan dengan apa yang dapat dipelajari daripada sesuatu fenomena yang berkaitan dengan sejarah yang mempunyai tujuan dan makna bagi sesebuah masyarakat (Keesing, 1958). Dalam perkara ini, budaya ialah sesuatu yang boleh berubah dan menerima perubahan (Kaplan, 1972). Ini bermakna budaya sesebuah masyarakat merupakan satu cara hidup dan juga amalan atau adat resam yang melibatkan perubahan.

Istilah kebudayaan merujuk kepada kehidupan dan keseluruhan cara hidup anggota sesebuah masyarakat. Budaya setempat pula berkait dengan perubahan yang berlaku mengikut kesinambungan dan perkembangan masa (Jalani, 1993). Dalam mengkaji budaya sesuatu tempat, selalunya masyarakatnya harus dilihat kerana mereka merupakan wadah kepada sesuatu budaya (Mohd. Taib, 1984). Herskovits (1970) pula berpendapat, manusia mempunyai budaya supaya mereka boleh berinteraksi antara satu dengan lain dengan cara penyesuaian hidup dengan alam sekeliling. Penghasilan seni pula merupakan sebahagian daripada kebudayaan yang berubah serentak dengan kehidupan masyarakat.

Dalam masyarakat Melayu, perubahan terhadap budayanya telah berlaku secara beransur-ansur. Kemasukan unsur pengaruh dan unsur luar seperti India, China, Arab-Parsi dan juga Barat dipercayai telah memberi perubahan terhadap budaya Melayu asli. Budaya selalunya mempunyai ciri kesinambungan dan perubahan hasil pertembungan dengan budaya luar setelah berlakunya penyesuaian serta tokok tambah daripada apa yang telah dimiliki (Mohd. Taib Osman, 1971). Penerimaan unsur budaya luar yang disesuaikan dengan budaya asal telah memperkayakan lagi budaya tempatan. Penyesuaian budaya

luar dengan budaya tempatan biasanya berdasarkan keperluan masyarakat kerana budaya merupakan hasil buah fikiran sesuatu masyarakat.

Herskovits (1970), menjelaskan bahawa budaya merupakan penghubung antara masyarakat dengan alam sekeliling. Penghasilan seni seperti tekstil silam mempunyai kaitan dengan masyarakat, alam dan juga sejarah silam (Ku Zam Zam, 1989). Seni yang dihasilkan ialah hasil daripada kegiatan manusia yang hidup bermasyarakat (Jalani Ali, 1993) dan menjadi budaya yang diamati sehingga sekarang ini.

Banyak faktor menyumbang kepada pertumbuhan budaya tempatan seperti kreativiti masyarakat tempatan, penemuan bahan dan teknologi, pengaruh budaya luar, agama serta kepercayaan. Dalam perkara ini, Ku Zam Zam (1989) menjelaskan bahawa kemahiran teknologi merupakan sebahagian daripada kebudayaan Melayu yang dipelajari dan diperturunkan daripada satu generasi kepada generasi lain.

Budaya dikaitkan dengan bagaimana sesuatu masyarakat berusaha untuk memenuhi keperluan asasi mereka. Bagi memenuhi keperluan ini, budaya mempunyai kaitan dengan tuntutan sekelompok manusia yang berkembang secara kompleks yang sesuai dengan tuntutan semasa (Wan Abdul Rahman, 1995). Dalam perkara berkaitan, Yaacob Harun (1989) berpendapat bahawa aktiviti keluarga mempunyai kaitan dengan budaya kerja sesuatu masyarakat. Tambah beliau, aktiviti keluarga masyarakat Melayu dilakukan oleh setiap keluarga dan dalam hal ini keluarga telah berfungsi sebagai penyumbang kepada hasil pengeluaran. Dalam aktiviti keluarga Melayu ini, penyumbang tenaga dalam setiap keluarga merupakan aset keluarga. Ini bermakna aktiviti keluarga, khususnya kerja menenun songket dan membuat batik berkait dengan sistem ekonomi sara diri yang menjadi aktiviti mereka sebelum zaman kolonial lagi.

Aktiviti sehari-harian atau amalan dalam kehidupan masyarakat Melayu yang secara tidak langsung melibatkan penghasilan budaya material untuk memenuhi keperluan dalam kehidupan sesuatu masyarakat. Budaya material atau budaya kebendaan terdiri daripada alat-alat atau artifak seperti alat kerja, pakaian, perhiasan, alat-alat kesenian yang dihasilkan dan digunakan oleh manusia dalam kehidupan (Ku Zam Zam, 1989). Oleh itu, sesuatu penghasilan budaya material seperti tekstil mempunyai berkaitan dengan kegunaannya dalam sesuatu masyarakat. Dalam kajian sesuatu kebudayaan, artifak menjadi bahan yang dianalisis bagi menentukan dan memahami sesuatu kebudayaan masyarakat atau bangsa.

Artifak yang dihasilkan oleh sesuatu masyarakat akan memberi gambaran tentang kehidupan dan aktiviti sesuatu masyarakat. Dalam hal ini, budaya kebendaan memberi gambaran tentang kehidupan manusia (Richardson, 1974). Di samping itu, artifak yang wujud daripada perkembangan kebudayaan seperti tekstil merupakan sesuatu yang lahir hasil keperluan manusia untuk menjalani kehidupan yang lebih sempurna. Penghasilan pakaian dan tekstil merupakan keperluan asas manusia untuk menutup tubuh badan berasaskan keperluan seni kraftangan sesuatu masyarakat. Keahlian seniman dalam menghasilkan sesuatu kraftangan membuktikan mereka telah berjaya menonjolkan peringkat kemahiran berdasarkan falsafah estetika tempatan (Ku Zam Zam, 1989).

Kemahiran teknologi merupakan sebahagian daripada kebudayaan (Ku Zam Zam, 1989), kerana ia dapat mengaitkan dengan apa yang dipelajari dan diperturunkan daripada satu generasi kepada generasi yang lain sehingga menjadi suatu aktiviti turun-temurun. Kebudayaan yang dihasilkan oleh sesuatu masyarakat merupakan satu sistem yang hidup secara berterusan kerana kebudayaan mempunyai ciri kesinambungan dan perubahan (Mohd. Taib, 1988a). Penghasilan tekstil masa kini merupakan apa yang diwarisi oleh generasi dahulu dan berubah mengikut keperluan semasa.

Penghasilan tekstil sering dikaitkan dengan budaya dan kepercayaan. Dalam perkara ini, kebudayaan Melayu yang dipengaruhi oleh Hindu dan Islam (Abd. Samad, 1971) turut mencorakkan penghasilan tekstil. Penggunaan warna kuning dan penggunaan motif yang berunsurkan tumbuh-tumbuhan dalam penghasilan tekstil menjadi contoh yang jelas tentang kombinasi dua unsur budaya itu. Menyentuh tentang pengaruh dalam kebudayaan pula, masyarakat dan budaya merupakan dua perkara yang saling berkait dan mempengaruhi antara satu sama lain. Dalam konteks ini, budaya ialah cara berfikir, berinteraksi, merasa dan perilaku masyarakat (A. Aziz, 1992).

Sejajar dengan ini, penghasilan tekstil dalam masyarakat Melayu menunjukkan ia merupakan keperluan masyarakat dan budaya. Penghasilan tekstil yang berunsurkan kebudayaan pula merangkumi kemampuan menghasilkan sesuatu dan berkembang mengikut idea, adat resam dan juga imaginasi sesuatu bangsa. Masyarakat berkebudayaan biasanya merupakan satu masyarakat yang mampu melahirkan idea, adat dan imaginasi yang akan memenuhi keperluan dan matlamat kehidupan. Berkaitan dengan ini, keberterusan kebudayaan budaya Melayu bergantung kepada bagaimana bangsa itu dapat mengekalkannya tanpa menghilangkanan identiti (A. Aziz, 1992) dalam penghasilan tekstilnya.

Warisan budaya di Kelantan adalah berasaskan peninggalan budaya yang dihasilkan oleh generasi sebelumnya. Dahulunya negeri Kelantan terkenal dengan nama “Tanah Serendah Sekebun Bunga” yang diperintah oleh seorang raja perempuan yang serba boleh dalam pemerintahan dan pentadbiran. Semasa pemerintahan baginda juga, negeri Kelantan terkenal dengan kebudayaan dan aktiviti bertenun. Pada ketika itu, aktiviti bertenun merupakan aktiviti yang wajib bagi setiap wanita dan gadis (Norwani, 1994). Semasa pemerintahan baginda juga, Islam sudah pun bertapak di Kelantan sebagai sebuah negeri yang menerima Islam, kebudayaannya adalah berlandaskan nilai Islam walaupun masih wujud unsur-unsur pengaruh Hindu. Contoh penerimaan agama Islam ini jelas dilihat pada penghasilan kraf tempatan seperti tekstil. Dalam penghasilan motif kraf tempatan ini, motif tumbuh-tumbuhan telah menggantikan motif hidupan. Sekiranya motif hidupan dibuat pada tekstil, biasanya berasaskan kepada binatang jinak atau belaan seperti ayam dan burung. Ada juga fabrik bermotif burung merak yang mempunyai nilai estetika yang telah diubah kepada motif abstrak dengan cara memasukkan motif dedaun dan bunga-bunga sehingga motif asal tidak kelihatan. Dengan itu, jelas sekali kebudayaan Melayu tidak menerima unsur atau motif binatang setelah Islam (Abdullah Mohamed, 1990 dan Siti Zainon, 1986).

Dari segi perusahaan tekstil pula, kebanyakan aktiviti yang dilakukan merupakan aktiviti keluarga dan ini telah menjadi satu budaya sejak dahulu lagi (Fauziah Haji Abdullah, 1983). Aktiviti perusahaan keluarga Melayu Kelantan ini, merupakan aktiviti yang dilakukan dalam keluarga atau oleh setiap ahli keluarga. Dalam aktiviti ini, setiap ahli keluarga berfungsi sebagai unit pengeluaran yang penting, menjadi satu aktiviti sara diri sebagai hak turun temurun (Yaacob Harun, 1989).

SEJARAH TAMADUN MELAYU

Mengkaji tamadun sesuatu tempat secara membuat analisis artifak tinggalan masyarakat lampau merupakan salah satu cara yang lebih berkesan kerana artifak bertahan lebih lama daripada masyarakat dan budaya yang menghasilkannya. Dalam mengkaji budaya sesuatu masyarakat, budaya benda memberi gambaran kehidupan manusia yang mempunyai kaitan dengan kebudayaan dan sejarah silam (Richardson, 1974). Ku Zam Zam (1989), turut juga menyatakan bahawa sesuatu budaya lahir daripada keperluan kehidupan manusia. Dalam hal ini, sesuatu hasil tekstil yang direka mempunyai kaitan dengan keperluan kehidupan seperti tujuan perlindungan badan dan perhiasan. Semasa

penghasilan sesuatu tekstil juga akan terbina kemahiran dan keahlian dalam suatu bentuk falsafah pemikiran dan dari situlah wujudnya tamadun sesuatu bangsa. Penghasilan seni atau bahan yang dihasilkan oleh masyarakat lampau telah menunjukkan tamadun yang dimiliki manusia sebelum itu dan telah dapat pula mengesan peringkat tamadun dan pemikiran masyarakat ketika itu. Masyarakat lampau sering dikaitkan dengan alam kerana dalam usaha manusia untuk memahami alam yang agak asing dan menakutkan, telah merangsang mereka untuk berdamai dengan alam dengan cara mengadakan upacara perantaraan seperti penyembahan (Wan Abdul Rahman, 1996). Keadaan inilah telah menjadikan tamadun Melayu lebih terikat kepada kepercayaan alam ghaib.

Kawasan yang merangkumi tamadun Melayu ditakrifkan oleh ahli sejarah linguistik sebagai kawasan lingkungan bahasa Austronesia, yang pada asasnya mengamalkan kebudayaan yang sama. Berkaitan dengan tamadun ini, Nik Hassan (1995) mengaitkan perubahan keadaan iklim semasa prasejarah di Alam Melayu telah membawa perubahan kepada tamadun awal manusia. Pendekatan yang digunakan oleh beliau dibuat berdasarkan satu teori yang dikemukakan oleh Dunn (1970). Beliau menjelaskan teori perubahan paras laut yang diakibatkan oleh perubahan suhu dunia telah menggariskan perubahan yang berlaku dalam zaman prasejarah Asia Tenggara yang mempunyai hubungan dengan zaman prasejarah Tanah Melayu.

Teori perubahan paras laut pada zaman Plestosin yang berlaku lebih beribu-ribu tahun dahulu (Dunn, 1970) membawa perubahan dan perpecahan terhadap satu rumpun etnik dan budaya kepada unit budaya dan kelompok manusia yang lebih kecil. Perubahan ini telah membawa orang Melayu menyesuaikan diri dengan alam persekitarannya, sehinggakan lahir satu kehidupan masyarakat Melayu yang mahir dalam ilmu pelayaran dan telah mewujudkan tamadun Melayu yang tertumpu di kawasan pesisiran. Hasil kemahiran dalam ilmu pelayaran ini telah menyebabkan berlakunya perpindahan idea dan hubungan perdagangan di kawasan Asia Tenggara, khususnya kepulauan Melayu.

Penemuan artifak seperti batu, tulang dan sisa makanan penghuni di gua di rantau Asia Tenggara, termasuk di Malaysia, khususnya di Gua Cha dan Gua Madu, Kelantan membuktikan Kelantan telah melalui Zaman Prasejarah, (Rentse, 1947; & Sieveking, 1953). Penemuan purba itu menunjukkan adanya sebaran kebudayaan di zaman prasejarah (mengikut Heine dipetik dalam Nik Hassan, 1995). Wolters (1990), mengaitkan tamadun di Alam Melayu, khususnya tamadun Melayu dengan empayar Srivijaya yang waktu itu telah menyediakan

kemudahan pelabuhan yang baik bagi perhubungan antara Timur Tengah dengan China. Orang Melayu yang juga merupakan ahli pelayaran yang mahir telah membolehkan mereka berhubung dengan negara luar dalam urusan perdagangan (Wolters, 1990 & Nik Hassan, 1987). Keadaan ini menjadikan rantau Melayu satu kawasan perdagangan yang menjadi tumpuan saudagar India, Arab dan China.



HUBUNGAN TANAH MELAYU DENGAN LUAR

Bangsa Melayu merupakan satu bangsa yang terdedah kepada pengaruh luar seperti India, China dan Arab berdasarkan kedudukan geografinya. Kedudukan kepulauan Melayu yang strategik menyebabkan banyak pedagang asing berdagang di Semenanjung Tanah Melayu (Slatseas, 1990). Selaras dengan kenyataan Slatseas menyatakan bahawa ada sumber maklumat China telah menyebut bahawa Yau-Chu-Li merupakan nama kepada Semenanjung Tanah Melayu yang merupakan pusat pelabuhan dan perdagangan dengan India semenjak tahun 280 hingga 22 Masihi lagi (Braddell dan Douglas, 1980). Mengikut catatan Sanskrit pula, kuil kecil Hindu juga telah dibina di Kataha, iaitu Kedah sekarang, lebih kurang pada abad pertama lagi. Berdasarkan sumber catatan itu juga, kerajaan Melayu telah berkembang di Selatan Segenting Kra dan kawasan inilah yang mempengaruhi bahagian selatan iaitu 'Red Earth' yang dipercayai terletak di bahagian timur Semenanjung Tanah Melayu (Wheatley, 1980 dan Nik Hassan, 1998b) (rujuk kepada Peta 2).

Menurut Sheppard (1972) dan Slatseas (1990), keadaan Semenanjung Tanah Melayu yang strategik menjadikan tempat pertemuan bagi pedagang dari India dan China untuk berdagang dan mengunjunginya. Pedagang yang menggunakan kapal layar boleh belayar di Semenanjung Tanah Melayu mengikut angin barat daya dari bulan Jun ke bulan September dan angin timur laut dari bulan November ke bulan April (rujuk kepada Peta 3). Dalam tulisannya, Slatseas (1990) telah menjelaskan tentang kepentingan Semenanjung Tanah Melayu sebagai pusat perhubungan di rantau Melayu seperti berikut:

"As a result of these geographical and climatic factors, the Malay Peninsular was drawn into world history and as early as the 6th century BC, Indian literature and Chinese annals spoke of the Peninsular as the land with water on the two sides" (page. 6).


Faktor-faktor ilmu alam dan iklim telah mencatatkan Semenanjung Tanah Melayu ke dalam sejarah dunia apabila seawal abad ke-6 Sebelum Masihi karya sastera India dan sejarah China sudah menyebut bahawa Semenanjung ini ialah tanah yang di kedua-dua sisinya terdapat laut (hlm. 6).



HUBUNGAN KELANTAN DENGAN KEPULAUAN MELAYU

Kedudukan Kelantan yang terletak di kawasan Segenting Kra, iaitu satu kawasan perdagangan yang penting, telah menjadikan Kelantan kawasan yang sering dihubungi. Dalam masa yang sama, Kelantan ialah satu kawasan yang terdedah dengan hubungan luar seperti China, Arab dan India. Kunjungan ini juga menjadi semakin penting setelah Kelantan yang terletak di Segenting Kra menjadi satu kawasan pertukaran barangan seperti cengkih dan rempah serta hasil hutan dengan barangan lain dari India, China dan Arab (Braddell & Douglas 1980). Sebagai pusat perdagangan, Kelantan juga berkemungkinan merupakan satu kawasan yang terpenting di rantau ini (rujuk kepada peta 3).

Peta 3: Tanah Melayu Sebagai Pusat Dagangan India dan China



Sumber: *The Encyclopedia of Malaysia* (Volume 4). Hlm. 7a

Salah satu lagi faktor yang menjadikan Kelantan sebuah negeri yang dianggap penting dan menjadi kawasan tumpuan manusia ialah kerana kawasannya yang kaya dengan emas dan keadaan ini menyebabkan Semenanjung Tanah Melayu dikenal sebagai Semenanjung Emas. Antara kawasan bijih emas di Kelantan ialah Lembah Galas, terutama di Kampung Pulau dan di daerah Sohor (Tanah Merah) merupakan dua kawasan yang juga telah menjadi kawasan lalulintas kebudayaan (Saad Shukri, 1971). Sebagai menyokong fakta ini Wheatley, (1980), menyatakan bahawa tidak diragui “Golden Chersonese” terletak di Semenanjung Tanah Melayu, sehingga kawasan ini di panggil “Semenanjung Emas”. Hal ini telah digambarkan dalam buku *Geography Ptolemy* yang menyatakan bahawa kedudukannya terletak di utara Semenanjung Tanah Melayu iaitu 160° 30’E 4°15’N (Braddell & Douglas, 1980).

ORANG MELAYU DAN ISLAM

Kedatangan Islam ke alam Melayu merupakan satu titik permulaan yang dikira paling penting dalam sejarah kebudayaan orang Melayu. Islam merupakan agama yang diterima oleh orang Melayu, sehingga Islam menjadi pemisah atau jurang perbezaan antara orang Islam dan bukan Islam. Orang bukan Melayu memeluk Islam selalu dikaitkan masuk Melayu (Mohd. Taib Osman, 1989). Mengikut Mohd. Taib Osman juga, Islam merupakan agama yang penting dalam asimilasi kumpulan yang berbeza dalam masyarakat Melayu. Ini bermakna, sesuatu yang mempunyai nilai Islam akan diterima oleh masyarakat Melayu sebagai pengangan atau prinsip hidup tanpa ragu-ragu.

Islam telah menjadi pegangan dan prinsip hidup bagi orang Melayu dari dahulu hingga sekarang. Kedatangan Islam pada awal abad pertama Hijrah telah memperkayakan lagi tamadun Melayu. Kedatangan Islam telah menambahkan lagi intelektualisme orang Melayu dengan adanya kitab agama, tasawuf dan falsafah yang membentuk ke arah budaya yang bercorak Islam. Di samping itu, kedatangan Islam telah mengubah struktur tatacara yang sedia ada (A. Aziz Deraman dan Abd. Rahman Al-Ahmadi, 1985). Islam di alam Melayu juga dianggap sebagai pegangan baru yang boleh diterima disebabkan oleh adanya kepakaran penyebarkan agama yang memahami dan mengenali tabiat masyarakat Melayu. Keadaan inilah yang menjadikan agama Islam diterima dengan aman dan membolehkan Islam berkembang dalam keadaan harmoni dengan budaya Melayu, walaupun orang Melayu kebanyakannya masih mengamalkan budaya Hindu atau Buddha.

Penyebaran Islam di alam Melayu, khususnya di Kelantan telah membawa perubahan dalam adat resam masyarakat Melayu. Dipercayai Islam telah sampai di rantau ini semenjak abad ke-11 lagi (Mat Rofa Ismail, 1994). Kedatangan agama Islam di rantau ini dipercayai dibawa ke Campa dari negeri China, melalui Kanton dan Pulau Hainan, yang pada ketika itu terdapat pedagang berbangsa Arab (Nik Mohamed Nik Mohd. Salleh, 1995). Ahli sejarah berpendapat kedatangan Islam di alam Melayu telah wujud pada sekitar tahun 1000 Masihi dan selepas itu barulah agama tersebut dikembangkan oleh orang-orang Patani (Mat Rofa Ismail, 1994) melalui Campa.

Semenanjung Tanah Melayu merupakan penempatan awal Islam di rantau ini yang menerima agama Islam. Pendapat ini berdasarkan penemuan sekeping wang emas di Kampung Kubang Labu, yang terletak di tebing Sungai Kelantan lebih kurang 85 tahun dahulu (1915). Di sebelah muka duit emas itu tertulis 'al-Mutawakkal ala Allah' (yang bererti berserah kepada Allah), manakala di sebelah lagi bertulis 'Al-Julus Kelantan (lambang kerajaan Kelantan) berserta dengan tarikh "ovv", 577 tahun Hijrah (Nik Mahmud Haji Ismail, 1930 dalam Mat Rofa, April 1994).

Penemuan batu bersurat di Terengganu pada tahun 1922 yang dianggarkan bertarikh 702 atau 786 Hijrah, sekitar tahun 1303 atau 1389 Masihi juga sebagai petanda Islam telah dibawa ke Pantai Timur Semenanjung. Bukti lain ialah pengembaraan Ibnu Battuta ke China yang diceritakan dalam buku Ibnu Battuta Travel to Asia and Africa yang singgah ke suatu tempat di Kepulauan Melayu yang ditafsirkan sebagai Kuala Krai, Kelantan pada tahun 1345. Pada masa itu penduduk di situ sudah pun memeluk agama Islam dan diperintah oleh seorang wanita yang beragama Islam bernama Urdurja.

Berdasarkan maklumat ini, besar kemungkinan Tanah Melayu, khususnya Pantai Timur Tanah Melayu telah menerima Islam lebih awal daripada Melaka, iaitu pada awal abad ke-12 atau lebih awal daripada itu. Selain itu, tempat pengajian agama lebih banyak terdapat di Pantai Timur, khususnya di Kelantan berbanding di tempat lain. Ini menunjukkan Kelantan menjadi tempat menerima dan mengembang Islam yang terawal di Semenanjung Tanah Melayu.

Kedatangan Islam menjadi titik permulaan yang bersejarah yang mengaitkan pengetahuan dan kebudayaan orang Melayu. Pengaruh Islam ke alam Melayu juga menandakan Islam telah berjaya meluaskan pengaruhnya hampir keseluruhan kepulauan Melayu. Kehadiran Islam Ke Alam Melayu juga menunjukkan agama Islam telah disebarkan mengikut penyesuaian dari pelbagai aspek budaya tempatan asalkan

tidak bercanggah dengan prinsip Islam. Islam juga merupakan agama yang boleh membawa perubahan budaya yang berteraskan Islam. Dalam konteks ini, Islam merupakan agama yang 'receptive' (diterima) dan 'accommodative' (sesuai) iaitu agama ini boleh menerima budaya lain asalkan tidak bersalahan atau bertentangan dengan prinsipnya (A. Aziz Deraman, 1992).

Sebelum kedatangan Islam ke Semenanjung Tanah Melayu, agama Hindu telah bertapak di sini dan kebudayaan yang berasaskan kepercayaan Hindu telah menjadi ikutan dan amalan penduduk tempatan. Penggunaan bunga teratai, dipercayai mempunyai pengaruh agama Buddha (Ku Zam Zam, 1987) dan penggunaan warna kuning dan adat istiadat bersanding merupakan pengaruh Hindu yang masih diikuti selepas penduduk tempatan memeluk Islam (Syed Alwi, 1960). Menurut Abd. Samad (1971), kebudayaan Melayu merupakan satu kebudayaan campuran kebudayaan Hindu-Buddha dan Islam. Contoh yang jelas yang menunjukkan kedua-dua kebudayaan ini ialah penggunaan warna kuning dalam pelbagai aktiviti kebudayaan tempatan, iaitu daripada tekstil sehingga kepada makanan. Dalam penghasilan tekstil khususnya untuk golongan raja, warna kuning merupakan warna rasmi raja yang merupakan satu contoh bagaimana kebudayaan Hindu telah diamalkan dalam penghasilan dan pemakaian tekstil. Dalam makanan pula, pulut kuning merupakan pulut yang dibuat khusus untuk tujuan majlis perkahwinan dan istiadat lain, seperti majlis kesyukuran dan sebagainya.

Motif tekstil di alam Melayu sebelum kedatangan Islam sedikit sebanyak telah dipengaruhi oleh motif objek bernyawa sebagai simbol dan penghormatan dalam penciptaan seni. Setelah kedatangan Islam, timbul penolakan dalam penghasilan motif tekstil yang berbentuk objek bernyawa. Penolakan penggunaan simbol dalam tekstil Melayu sejajar dengan ciri reka bentuk Islam seperti yang dinyatakan oleh Croix dan Tansey (1980) tentang reka bentuk Islam seperti yang berikut:

"One of the characteristics of early Islamic art is its concerted avoidance of symbols. In this respect, early Islamic art offers a striking contrast to medieval Christian art" (p. 255).

Salah satu ciri awal seni Islam ialah ia langsung mengelakkan penggunaan simbol. Dari segi ini seni Islam yang awal dahulu sangat berbeza daripada seni medieval (pertengahan) era Kristian (hlm. 255).

Kedatangan Islam pula telah menukar kebudayaan penduduk tempatan daripada Hindu-Buddha kepada prinsip ajaran Islam yang

menjadi pegangan hidup penduduk tempatan yang seterusnya menjadi sebahagian cara hidup mereka. Walau bagaimanapun ada juga adat resam Hindu yang telah sebatikan dengan jiwa orang Melayu dikekalkan asalkan ia tidak bercanggah dengan nilai Islam. Dalam penghasilan tekstil tempatan, setelah kedatangan Islam, motif yang berlambang kehidupan yang bernyawa tidak lagi wujud memandangkan motif seperti ini ditegah oleh agama Islam. Dalam hal ini, Ku Zam Zam (1989) menyatakan bahawa penciptaan seni yang didapati daripada hidupan bernyawa masih juga dibuat, tetapi dalam bentuk abstrak dan simbolik supaya ia tidak menyalahi akidah.

Akhir-akhir ini banyak istilah seni telah dikaitkan dengan agama sehingga seni mempunyai ciri yang berkaitan dengan agama. Istilah seni Islam yang mempunyai pengertian yang sama dengan “Islamic Art” dalam bahasa Inggeris. Istilah ini sebenarnya tidak pernah wujud dalam perbendaharaan kata orang Melayu sebelum wujudnya istilah seni yang merujuk kepada istilah *modern art* (seni moden) dan kraftangan yang telah dibawa masuk oleh sistem pendidikan Barat. Sidi Gazalba (1977), menjelaskan bahawa istilah seni Islam banyak diwujudkan oleh Barat bagi memisahkan seni dengan agama.

Perkara ini telah dipersetujui oleh Mohamed Najib (1997) kerana mengikut beliau, seni Islam yang dikemukakan oleh Barat hanyalah sebagai kod sahaja. Dalam hal ini, seni dikaitkan dengan agama seperti seni Islam dan seni lain hanyalah satu penilaian atau satu kod yang sengaja ditentukan bagi membezakan setiap seni mengikut kepercayaan agama seperti membuat kategori seni Kristian, seni Yahudi, seni India dan seni China. Dalam perkara ini, seni dikaitkan dengan agama dan bangsa hanyalah diwujudkan bagi membezakan antara satu seni dengan yang lain.

RUMUSAN

Kajian lepas tentang latar belakang dan ruang Melayu adalah penting kerana ianya merupakan asas kepada budaya, sejarah, tamadun dan kepercayaan serta pegangan hidup orang Melayu, khususnya orang Melayu Kelantan. Dari sudut sejarah dan tamadun, orang Melayu merupakan satu golongan pelaut dan pedagang yang pernah menjadi kuasa yang dominan. Dalam masa yang ia juga menjadi pusat perdagangan di rantau Asia Tenggara pada awal kurun masihi lagi. Kerajaan Melayu ini juga dikenali dengan kerajaan Melayu Segenting Kra dan juga di Semenanjung Pantai Timur, khususnya Kelantan dan Terengganu. Kawasan ini juga merupakan satu pusat pelabuhan dan

perdagangan kepada pedagang luar seperti India, China dan Arab. Warisan budaya di Kelantan dipercayai hasil daripada pertembungan budaya luar dan juga kreativiti penduduk tempatan. Budayanya juga masih lagi berlandaskan nilai Islam walaupun masih wujud unsur pengaruh Hindu.

BIBLIOGRAFI

- A. Aziz dan Abdul Rahman (28-30 Disember 1985). *Pengajian Tamadun Melayu Tugas dan Tanggung Jawab Kita*. Kertas kerja yang dibentangkan di Bengkel Perancangan dan Penyelarasan Penyelidikan Pengajian Tamadun Melayu di rumah universiti, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia
- A. Aziz Deraman (1992). *Tamadun Melayu dan Pembinaan Bangsa Malaysia*. Kuala Lumpur: Arena Ilmu Sdn. Bhd.
- Abdullah Mohamed (1987). Yavadvipa Suatu Empayar Besar Telah Dilupakan. Dalam Nik Mohamed Nik Mohd. Salleh (Penyelenggara), *Warisan Kelantan VI* (hlm. 1-21). Kota Bharu, Kelantan: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Abdullah Mohamed (1990). Warisan Kelantan: Batik Kita: Falsafah Motif dan Sejarahnya. Dalam Nik Mohamed Nik Mohd. Salleh (Penyelenggara), *Warisan Kelantan IX* (hlm. 13-43). Kota Bharu, Kelantan: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Abd. Samad Idris (16 – 20 Ogos 1971). *Unsur-unsur Budaya Tradisional Dengan Keperibadian Kebangsaan Malaysia*. Kongres Kebudayaan (Seminar Dasar), Kuala Lumpur.
- Bellwood, Peter (1985). *Prehistory of the Indo – Malaysian Archipelago*. Sydney: Academic Press Australia.
- Braddell, Roland dan Douglas, F. W. (1980). *A Study of Ancient Times in the Malay Peninsula and the Starits of Malacca and the Notes on the Ancient Times in Malaya; and Notes on the Historical Geograpy of Malaya* (Edisi ke 7): Kuala Lumpur: MBRAS.
- Coormaraswamy, Ananda K. (1985). *History of India and Indonesia Art*. New York: Dover Publications Inc.
- Coede'es (1966). *The Making of Southeast Asia*. Diterjemah oleh H.M. Wright. London: Rouledge and Kegan Paul, Ltd.
- Croix, Horst de la dan Tansey, Richard G. (1980). *Art Through the Ages* (Edisi ke 7). London: Harcourt Brace Jovanovich Publisher.
- Dunn F. L.(1970). Culture Evolution in Late Pleistocene of Southeast Asia. *American Antropologist*, 72: 1041-1054.
- Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (1994). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Fauziah Haji Abdullah (1983). Sejarah Perusahaan Batik. Dalam Khoo Kay Kim (Penyunting), *Warisan Kelantan II* (42-52). Kota Bharu, Kelantan: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Gathercole, Peter (Disember 1983). Pacific Adventure. *The Unesco Courier-Civilizations of the Sea*.
- Gullick, J. M. (Ogos 1969). A Survey of the Malay Weaver and Silver Smiths in Kelantan in 1951. *JMBRAS, Jilid 45*, 134- 148.
- Hall, D.G. E (1960). *A History of South-East Asia*. London Macmillan & Co. Ltd.
- Herskovits, M.(1970). *Man and His Work*. New York: Alfered A Knope.
- Ismail Hussein (1994). Pengajian Dunia Melayu Di Malaysia – Menjelang Abad Ke 21. Dalam Tengku Alaudin dan Po Dharma (Penyusun). *Adat Papatih Melayu – Campa*. Kuala Lumpur Kementerian Kebudayaan dan Perlancongan Malaysia.
- Jalani Ali (1993). 16-17 Jun 1993). *Kesenian Melayu dari Perspektif Sociologi – Budaya*. Ceramah Terbuka, Balai Seni Lukis Negara.
- Kaur Amarjit (1991). Semenanjung Tanah Melayu Pada Abad ke 19: Suatu Tinjauan Ekonomi. Dalam *Masyarakat Melayu Abd ke – 19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keesing, Felix M. (1958). *Culture Antropology*. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Koentjaraningrat (1969). *Atlas Etnografi Sedunia*. Jakarta: Dian Rakyat.
- Ku Zam Zam Ku Idris (1989). Budaya Material dan Teknologi: Pertukangan Melayu. Dalam Mohd. Taib Othman, *Masyarakat Melayu – Struktur, Organisasi dan Manifestasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mat Rofi Ismail (April 1994). Pembudayaan Matematik Dalam Gugusan Kepulauan Melayu. *Jurnal Akademik Pengajian Melayu*, 2, 132-157.
- Mohamad Zain Musa (1994). Masyarakat Melayu – Cam dan Kelantan Dilihat dari Sydut Agama. Dalam Nik Mohamad Nik Mohd. Salleh, *Warisan Kelantan XIII*, hlm. 33-48. Kota Bharu, Kelantan: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Mohd. Taib Osman (16 – 20 Ogos, 1971). *Unsur Budaya Tradisional Dengan Keperibadian Kebangsaan Malaysia*. Kertas kerja yang dibentangkan di Konggres Kebudayaan Kebangsaan (Seminar Dasar), Kuala Lumpur.
- Mohd. Taib Osman (1984). *Bunga Rampai: Aspek of Malay Culture*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mohd. Taib Osman (1988). *Bunga Rampai Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Taib Osman (1989). *Malay Folk Beliefs*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamed Najib Ahmad Dawa (1995). The Symbolism of Batik From Kelantan, Malaysia, Its Origins dan Tranformation. *Ph.D. Thesis*, The Manschester Metropolitan University.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman (1987). Sejarah Kelantan Sebelum Long Yunus- Satu Gambaran Umum. Dalam Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman (Penyunting), *Kelantan Zaman Awal: Satu Arkeologi dan Sejarah Di Malaysia*, (hlm. 1-14). Kota Bharu, Kelantan: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman (1995). Isu dan Masalah Arkeologi Prasejarah Malaysia. Dalam Ismail Hussein, A. Aziz Deraman dan Abd. Rahman Al – Ahmadi (Penyelenggara), *Tamadun Melayu Jilid Tiga* (hlm. 803-812).
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman (1998). The Protohistoric Period – Chi tu: An Inland Kingdom. Dalam Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman (Penyunting), *The Encyclopedia of Malaysia*, Jilid 4 (hlm. 68-69).
- Nik Mohamed Nik Mohd. Salleh (1995). Champa dan Dunia Melayu. Dalam Ismail Hussein, A. Aziz Deraman dan Abd. Rahman Al-Ahmadi (Penyelenggara), *Tamadun Melayu*, Jilid Tiga (hlm. 1061-1094). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rentrse, Anker (1947). A Historical Notes on the Northeatern Malay State. *Journal of the MBRAS*, Jilid XX (1), hlm 29-31.
- Richardson, Miles (1974). *The Human Mirror. Material and Special Image of Man*. Baton Raoge: Louisiana State University Press.
- Salazar, Z.A. (Disember, 1989). The Malay, Malayan and Malay Civilization: A Cultural and Antropological Concepts in the Philippines. *Jurnal Budaya*, 1, 2-29.
- Sidi Gazalba (1977). *Pandangan Islam Tentang Kesenian*. Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Antara.
- Sheppard, Mubin (1972). *Malay Docorative Art and Pastime*. Kuala Lumpur: Oxford Press.
- Siti Zainon Ismail (1986). *Reka Kraftangan Melayu Tradisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Slatseas, Sieveking (1990). *A History of Malaysia*. Singapore: Longman Singapore Pte Ltd.
- Sumintardja, Djauhari (Disember, 1989). Catatan Tentang Makna Bentuk dan Hiasan Seni Bangunan di Nusantara. *Jurnal Budaya*, 1, 70-98.
- Swettenham, Frank (1984). *Stories and Sketches by Sir Frank Swettenham*. Singapore: Graham Brash.
- Syed Alwi Sheikh Al-Hadi (1960). *Adat Resam Melayu dan Adat Istiadat*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Abdul Rahman Wan Abdul Latiff (1995). *Pembinaan Tamadun Manusia*. Bangi: Institiut Alam dan Tamadun Melayu. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Wan Abdul Rahman Wan Abdul Latiff (1996). *Sejarah Perkembangan Tamadun Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Abdul Kadir (1986). *Budaya Popular Dalam Masyarakat Melayu Bandaran Sebelum Perang Dunia Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Hashim (1991). Dunia Melayu dan Tersebar Luasnya Rumpun Bangsa Melayu. Dalam Mohd. Yusof Hasan, *Dunia Melayu* (hlm. 1-19). Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wheatley, Paul (1980). *The Golden Khersonese*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Winstedt, R. O. (1947). *The Malay – A Culture History* (Revised and Updated by Tham Seong Chee, 1981). Singapore: Graham Brash (Pte) Ltd.
- Winstedt, R.O. (1966). *Malay and It's History*. London: Hutchinton.
- Wolters, O. W. (1990). *Kejatuhan Srivijaya Dalam Sejarah Melayu*. Penterjemah Toh Kim Hui dan Panjeet Kaur Khaira. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yaacob Harun (1989). Keluarga Melayu: Bentuk, Organisasi dan Fungsi. Dalam Mohd. Taib Othman, *Masyarakat Melayu – Struktur, Organisasi dan Manifestasi* (hlm. 1-53). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Kling (Disember, 1989). Asas Ketuhanan Dalam Pemikiran Sosio-Politik Melayu. *Jurnal Budaya*, 1, 2 – 29.